

KELICAP SEPAH RAJA
Crimson Sunbird

FAMILI: Nectariniini
NAMA SAINTIFIK: *Aethopyga siparaja*



CIRI-CIRI

Spesies burung ini mudah dikenali dengan warna kepala, dada dan bahagian atas sayap adalah merah tua. Di bahagian atas kepalanya berwarna hijau manakala bahagian perut pula berwarna kelabu. Terdapat jalur ungu yang merentasi bahagian pipi dan warna tongkeng adalah kekuningan. Bagi burung betina, keseluruhan badan berwarna hijau buah zaitun pudar dan agak kekuningan di bahagian perut. Warna tongkeng agak terang manakala ekor adalah berwarna putih. Bagi burung juvenil, ianya seakan-akan warna burung betina kecuali warna di tekak dan dada adalah merah pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung dewasa adalah 11.0-13.5 sm.

MAKANAN

Nektar, serangga, labah-labah, dan lain-lain lagi.

HABITAT

Hutan dipterokap, hutan gunung, hutan sekunder, pinggiran hutan dan kawasan-kawasan taman. Ianya boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,370 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang tajam dan laju: *tsip-it-sip-it* dan kadangkala *whit-tit-whir'it*.

PEMBIAKAN

Ia membina sarang berbentuk bujur dan dibina di akar-akar pokok atau digantung pada dahan. Musim membiak bagi burung ini adalah daripada bulan Februari hingga Ogos pada setiap tahun. Bagi burung betina, ia menghasilkan 2-3 biji telur dan warna telur adalah putih atau krim dengan terdapat tompokan coklat atau coklat kemerahan. Saiz telur adalah 15.1 x 11.4 mm

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.